

**Pembangunan Bandaraya Kuching Seiring Keperluan Belia, Kata Taib Mahmud Bernama
Julai 30, 2011**

KUCHING, 30 Julai (Bernama) -- Kepesatan pembangunan Bandaraya Kuching perlu seiring dengan kehendak serta keperluan belia yang akan menjadi pewaris kepada tradisi bandar raya mesra pengunjung itu, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud di sini.

Berucap pada majlis pelancaran Pesta Ria Kuching 2011, malam Sabtu, Taib berkata pembangunan belia dalam sebuah bandar raya yang maju seperti Kuching seharusnya menjadi keutamaan dengan meningkatnya kadar migrasi penduduk luar bandar ke bandar untuk mendapatkan peluang pekerjaan.

Lebih 10,000 warga Bandaraya Kuching hadir pada majlis pelancaran itu di luar perkarangan kompleks Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) di sini.

Beliau berkata sambutan Pesta Ria Kuching harus menjadi asas dalam merapatkan lagi hubungan rakyat berbilang kaum yang tinggal di bandar raya yang kini mencecah 630,000 penduduk.

Dalam pada itu, Datuk Bandaraya MKBS James Chan berkata orang ramai khususnya warga bandaraya Kuching amat dialu-alukan untuk hadir sama memeriahkan pesta tersebut yang turut menjadi simbol kepada semangat 1Malaysia.

"Di sini ada pelbagai jenis juadah makanan dari pelbagai kaum yang ada di Sarawak iaitu gaya makanan 1Malaysia," katanya.

Pesta tersebut yang dianjurkan setiap bulan Ogos akan diadakan selama 22 hari bermula hari ini sempena sambutan Hari Bandaraya Kuching.

Sempena pesta itu pelbagai aktiviti dianjurkan oleh pihak MBKS seperti pesta makanan, pameran jualan dan persembahan kebudayaan masyarakat pelbagai kaum di Sarawak.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=605125>